

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	6/1/2020	MUKA SURAT	: 9
JABATAN	:	KeTSA / JPMS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Negeri Sembilan harap kempen tingkat kesedaran

BH 6/1/2021 m/s 9



Aminuddin (dua dari kiri) mendengar penerangan mengenai jentruan pada Program Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 peringkat negeri, di Hutan Simpan Angsi-Berembun, semalam. (Foto BERHAWA)

Kuala Pilah: Kerajaan negeri komited melaksanakan Program Penghijauan Malaysia dengan sasaran menanam 1.5 juta pokok dalam tempoh lima tahun mulai tahun ini membabitkan kawasan terosot dan lapang.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam usaha merealisasikan sasaran berkenaan.

"Kita juga mempelawa pembelian pihak swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menyertai Kempen Penanaman 100 juta pokok yang menjadi satu daripada Program Penghijauan Malaysia sebagai aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka.

"Pihak berkenaan boleh menyatukan hasrat itu dan menyalurkan dana kewangan kepada Yayasan

Hijau Malaysia.

"Menurusi langkah itu, bekalan anak pokok, kerja penanaman pokok dan penyelenggaraan selepas tanaman akan dilakukan pihak ketiga yang akan dikenal pasti Yayasan Hijau Malaysia seperti agensi kerajaan serta PBT," katanya selepas merasmikan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 peringkat negeri, di Hutan Simpan Angsi-Berembun dekat sini, semalam.

Yang turut hadir: Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Dr Razali Ab Malek dan Pengerah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Saleh Awaludin.

Pada program itu, 400 pokok ditanam membabitkan buah-buahan termasuk mangga.

Aminuddin berkata, program penanaman pokok itu juga diharapkan dapat menarik kehadiran ha-

wan liar datang ke kawasan berkenaan yang berpotensi dijadikan nilai tambah kepada produk ekopelancongan khususnya di Taman Eko Rimba Ulu Bendul.

Beliau berkata, kerajaan negeri akan memperluaskan program ini di Hutan Simpan Gemas Selatan seluas 30 hektar dengan pokok ladang hutan yang akan membabitkan pengusaha industri perkayuan dan kontraktor pembalakan.

"Kita berharap kempen ini dapat menarik perhatian banyak pihak untuk sama-sama membina sokongan dan menjayakan program penanaman pokok menerusi penyertaan secara langsung bagi mengekalkan kawasan hijau selain memulihara kawasan berhutan.

"Kempen ini juga diharapkan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan kawasan berhutan dan memupuk semangat cintakan alam semula jadi," katanya.